

D793

U B544 AAB
MAHATHIR-STAR
(I)

KUALA LUMPUR, 6 NOV (BERNAMA) -- KEMENTERIAN DALAM NEGERI TELAH MENOLAK RAYUAN STAR PUBLICATIONS UNTUK MENDAPATKAN SEMULA PERMIT PENERBITAN BAGI AKHBAR THE STAR DAN THE SUNDAY STAR.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, MENYATAKAN DEMIKIAN BILA DITANYA OLEH PEMBERITA SELEPAS BELIAU MERASMIKAN SEMINAR KEBAJIKAN KEBANGSAAN DI SINI HARI INI.

BELIAU TIDAK PULA MENYATAKAN KEDUDUKAN DUA PENERBITAN YANG LAIN, HARIAN BERBAHASAN CINA SIN CHEW JIT POH DAN DWI-MINGGUAN BERBAHASA MALAYSIA WATAN, YANG PERMIT PENERBITAN MASING-MASING JUGA DIBATALKAN MINGGU LALU.

DITANYA TENTANG KEMUNGKINAN PERMIT ITU DIBERIKAN SEMULA KEPADA AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TERPULANGLAH KEPADA POLIS.

+JIKA PERKARA ITU DIRUJUKKAN KEPADA SAYA, SAYA AKAN MENKKAJINYA TETAPI KAMI TIDAK MEMBERI SEBARANG JAMINAN,+ KATANYA. - LAGI.
1210MST 06 11 87

.D801

U B547 AAB
MAHATHIR-STAR 2 KUALA LUMPUR
(I)

MENGENAI PENAHANAN 93 ORANG DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) SEJAK 27 OKT, PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT TIDAK ADA APA YANG HARUS DITAKUTI ASAL SAJA MEREKA TIDAK MENIMBULKAN ISU YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN.

+JIKA ADA PERKARA YANG MENYENTUH KAUM-KAUM YANG PERLU DISELESAIKAN, PERKARA ITU HENDAKLAH DISELESAIKAN MENGIKUT SALURAN YANG WAJAR,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA TERDAPAT PARTI-PARTI POLITIK DAN PERTUBUHAN YANG BOLEH MENGEMUKAKAN PERKARA INI DAN KERAJAAN AKAN MEMBERI PERHATIAN SEWAJARNYA.

+TETAPI APA YANG TELAH BERLAKU IALAH SESETENGAH ORANG TIDAK BERSABAR DAN MEMILIH UNTUK MEMBUAT KENYATAAN-KENYATAAN DALAM AKHBAR DAN INI MENYEBABKAN PIHAK LAIN MUNCUL DENGAN KENYATAAN-KENYATAAN BALAS,+ KATANYA.

KESEMUA INI TERBUKTI MEROSAKKAN PERPADUAN RAKYAT DAN APA YANG LEBIH DIKESALKAN IALAH PERKARA-PERKARA YANG TELAH DITIMBULKAN ITU ADALAH HAL-HAL YANG REMEH TEMEH, UJARNYA. - LAGI.

1241MST 06 11 87

D804

U B548 AAB
MAHATHIR-STAR 3 KUALA LUMPUR
(I)

BELIAU MENGGESA RAKYAT JANGAN MEMBUAT KENYATAAN-KENYATAAN YANG TIDAK PERLU, KHUSUSNYA KENYATAAN YANG MENYINGGUNG PERASAAN ORANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENGAMALKAN DASAR LIBERAL DAN TERBUKA TETAPI INI TIDAK HARUS DIANGGAP YANG RAKYAT BOLEH BERBUAT DAN BERKATA APA SAJA YANG MEREKA SUKA.

+BERCAKAP MENGENAI SIAPA DAPAT LEBIH DAN SIAPA DAPAT KURANG TENTUNYA AKAN MENJEJAS PERPADUAN,+ KATA BELIAU.

MENGENAI PENGHARAMAN RAPAT-RAPAT UMUM DAN PERJUMPAAN-PERJUMPAAN LAIN YANG BERBENTUK POLITIK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI AKAN TERUS BERKUATKUASA SEHINGGA POLIS PUASHATI YANG KEDAAAN MEMBOLEHKAN RAPAT UMUM DAN PERJUMPAAN DIADAKAN. - BERNAMA.

1252MST 06 11 87